



PULAU PINANG

Kompas

Petaling Jaya



© Kompas Publishing Sdn Bhd, 1986

Semua hak terpelihara. Tiada sebarang bahagian daripada buku ini yang boleh ditiru atau dipancar atau disimpan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Kompas Publishing Sdn Bhd terlebih dahulu.

Diterbitkan 1986

ISBN 967 952 083 8

967 952 076 5

M
959.5113
fau

466392


APB

Diterbitkan oleh

Kompas Publishing Sdn Bhd
48, Tingkat Satu, Jalan SS 2/61
47300 Petaling Jaya.
Tel: 03-7746650

Dicetak di Malaysia oleh
Academe Art & Printing Services Sdn Bhd
Kuala Lumpur

— 9 AUG 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia




Bendera

Bendera Pulau Pinang terbahagi kepada tiga warna iaitu biru muda, putih dan kuning. Warna biru muda menunjukkan warna laut yang indah di sekeliling pulau itu. Warna putih maksudnya negeri Pulau Pinang yang aman dan damai. Warna kuning pula menandakan kemakmuran. Di tengah-tengah bahagian yang berwarna putih terdapat pokok pinang. Daripada pokok inilah Pulau Pinang mendapat nama.

Pengenalan


Pulau Pinang terkenal juga dengan gelaran Pulau Mutiara Timur. Nama ini diberikan kerana keindahan alam sekitarnya serta sifat ramah penduduknya. Bagi orang di utara Semenanjung Malaysia negeri ini juga lebih dikenali dengan gelaran Tanjung.

Negeri Pulau Pinang bukanlah pulau itu semata-mata, tetapi termasuk juga Seberang Perai yang terletak di tanah besar Semenanjung. Pada masa dahulu feri adalah alat perhubungan utama di antara kedua-dua bahagian ini. Kini kedua-duanya telah dihubungkan oleh Jambatan Pulau Pinang yang dibuka dengan rasmi pada 14 September 1985. Jambatan ini dirasmikan oleh



Feri Pulau Pinang

Perdana Menteri Malaysia Datuk Sri Dr Mahathir Mohamed dengan memandu kereta Proton Saga bersama isterinya melalui jambatan tersebut. Jambatan ini adalah salah satu jambatan yang terpanjang di Asia. Panjangnya ialah 13.5 kilometer. Harga untuk membina jambatan ini pula sangat mahal iaitu \$860 juta.



Jambatan Pulau Pinang

Masyarakat di Pulau Pinang terdiri daripada berbagai kaum dan budaya. Selain orang Melayu dan Cina, di negeri ini terdapat banyak kaum lain seperti orang India, Arab, Baba dan lain-lain. Tiap-tiap kaum di negeri ini mengekalkan kebudayaan masing-masing. Oleh kerana itu Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang **beraneka ragam** kebudayaannya.

Pekerjaan utama penduduk Pulau Pinang ialah bermiaga. Pulau Pinang merupakan salah sebuah **pelabuhan** yang penting di Malaysia. Melalui pelabuhannya, banyak barang-barang dari luar negeri dibawa masuk ke Malaysia. Di samping itu banyak terdapat **gedung** perniagaan yang besar di Pulau Pinang.



Beca masih digunakan di Pulau Pinang

Sekarang Pulau Pinang semakin pesat membangun. Banyak bangunan yang besar dan moden dibina di negeri ini. Bangunan yang tertinggi di Pulau Pinang sekarang ialah Kompleks Tun Abdul Razak atau ringkasnya KOMTAR. Bangunan ini menjadi salah satu daya penarik pelancong ke Pulau Pinang.

Pulau Pinang juga merupakan negeri yang paling diminati oleh para pelancong dari dalam dan luar negeri. Di sini banyak terdapat tempat menarik untuk dilawati seperti Bukit Bendera, Batu Ferringhi dan lain-lain.

Salah sebuah pusat pengajian yang terbesar di Malaysia terletak di negeri itu. Pusat pengajian tersebut ialah Universiti Sains Malaysia. Universiti ini terletak di kawasan Minden, Gelugor. Setiap tahun ramai **siswazah** dalam berbagai-bagai bidang dikeluarkan oleh universiti ini.

Bagi pelancong yang mahu bersiar-siar di sekitar Pulau Pinang, beca mungkin merupakan kenderaan yang sangat menarik. Tukang-tukang beca tahu segala selok-belok di Pulau Pinang. Mereka juga boleh menceritakan pelbagai kisah tentang Pulau Pinang yang semakin pesat membangun itu.

Sejarah

Dahulunya Pulau Pinang adalah sebahagian daripada negeri Kedah. Ketika itu pulau ini hanyalah sebuah pulau yang terbiar. Di pulau ini amat banyak terdapat pokok pinang, kerana itulah ia dinamakan Pulau Pinang. Ketika itu juga Pulau Pinang merupakan sarang lanun. Lanun-lanun itu selalu mengganggu peniaga-peniaga yang berulang-alik di Selat Melaka.

Pada tahun 1786, seorang Inggeris yang bernama Kapten Francis Light belayar masuk ke Pulau Pinang, ia sangat tertarik dengan pulau tersebut. Ia mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai **pangkalan** Syarikat Hindia Timur Inggeris. Ketika itu syarikat tersebut menjalankan perniagaan dengan negeri China. Mereka amat memerlukan sebuah tempat persinggahan di Selat Melaka sebagai tempat untuk berehat, membaiki kapal dan juga untuk mendapatkan air bersih.



Francis Light



Francis Light membuka petempatan di Pulau Pinang

Kapten Francis Light menjalankan pelbagai usaha untuk mendapatkan Pulau Pinang. Dia menjalankan rundingan dan memujuk sultan Kedah. Ketika itu, sultan Kedah bernama Sultan Abdullah. Baginda amat memerlukan bantuan untuk menentang ancaman Siam. Dengan itu baginda telah mengenakan syarat jika Francis Light mahu menduduki Pulau Pinang. Syarat itu ialah pihak Inggeris mestilah membantu Kedah jika Siam menyerang negeri Kedah.


Francis Light bersetuju dengan syarat yang dikenakan oleh Sultan Abdullah. Dengan itu Pulau Pinang pun diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris. Francis Light telah dilantik menjadi penguasa untuk membuka Pulau Pinang. Tempat yang mula-mula sekali didiami oleh Francis Light di Pulau Pinang sekarang dikenali sebagai Kota Cornwallis.

Walau bagaimanapun janji yang dibuat oleh Francis Light dengan Sultan Abdullah hanyalah tipu helah semata-mata. Ia hanya mahu mendapatkan Pulau Pinang tetapi tidak pernah berniat untuk membantu sultan Kedah menentang musuhnya iaitu Siam.

Apabila Kedah diancam oleh Siam, Sultan Abdullah cuba meminta bantuan Inggeris di Pulau Pinang. Malangnya permintaan baginda tidak diindahkan oleh pihak Inggeris. Sultan Abdullah amat **murka** kerana pihak Inggeris telah memungkiri janji mereka. Baginda menuntut supaya Francis Light memulangkan pulau itu kepada baginda. Tetapi tuntutan itu juga tidak dihiraukan oleh Francis Light.

Akhirnya Sultan Abdullah memutuskan untuk menyerang Inggeris di Pulau Pinang. Baginda mengumpulkan askar yang besar di Seberang Perai. Tetapi Francis Light menyedari tindakan yang mahu dilakukan oleh Sultan Abdullah. Ia telah bertindak menyerang askar-askar Kedah di Seberang Perai. Serangan mengejut itu menyebabkan askar Kedah dikalahkan dengan teruk.

Oleh kerana tidak berdaya untuk menentang askar Inggeris yang lebih lengkap bersenjata, Sultan Abdullah terpaksa mengaku kalah. Baginda bersetuju untuk menyerahkan Pulau Pinang kepada Inggeris dan baginda dibayar ganti rugi.




Kapal Inggeris menyerang Kedah

Pada tahun 1800 pula, Kedah telah menyerahkan Seberang Perai kepada Inggeris melalui satu perjanjian lain.

Dengan itu kekallah Pulau Pinang dan Seberang Perai di bawah kuasa Inggeris. Orang Inggeris telah memajukan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan yang terkemuka pada abad ke-19. Pulau Pinang terus kekal di bawah kuasa Inggeris hingga tahun 1957.

Sekarang Pulau Pinang menjadi negeri yang merdeka bersama negeri-negeri yang lain dalam Malaysia. Tetapi Pulau Pinang tidak mempunyai sultan seperti beberapa negeri yang lain. Ketua negeri Pulau Pinang digelar Yang di-Pertua. Yang di-Pertua negeri Pulau Pinang sekarang ialah Tun Datuk Dr. Haji Awang bin Hassan.

Peta negeri Pulau Pinang



Geografi

Negeri Pulau Pinang letaknya di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Negeri ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Seberang Perai yang terletak di tanah besar Semenanjung bersempadan dengan Kedah di utara dan Perak di selatan.

Luas kedua-dua bahagian negeri Pulau Pinang ini ialah kira-kira 1031 kilometer persegi. Negeri ini dibahagikan kepada lima daerah iaitu daerah Tengah, Utara, Timur Laut, Selatan dan Barat. Ibu negerinya ialah Georgetown.

Pulau Pinang tidak mempunyai kawasan hutan yang luas dan gunung-ganang seperti negeri-negeri lain di Malaysia. Sebaliknya Pulau Pinang dipenuhi dengan bangunan-bangunan besar dan gedung-gedung perniagaan. Perniagaan memang merupakan pekerjaan utama bagi kebanyakan penduduk Pulau Pinang.




Suasana di Bandaraya Pulau Pinang

Pulau Pinang merupakan pelabuhan yang penting di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Banyak barang dari luar negeri **diimport** melalui pelabuhan Pulau Pinang, manakala barang-barang keluaran tempatan **dieksport** melalui pelabuhan tersebut. Kedudukan pelabuhannya sangat baik kerana terlindung daripada tiupan angin monsun.

Kedudukan Pulau Pinang sebagai pelabuhan menjadikan negeri tersebut sebuah pusat perniagaan yang terkenal. Berbagai-bagai jenis barang ada dijual di sini. Antara tempat-tempat perniagaan yang terkenal termasuklah Penang Road, Lebuh Campbell dan Lebuh Pantai. Di sini terdapat banyak pusat membeli-belah yang sesuai untuk dikunjungi. Para pelancong boleh membeli berbagai **cenderamata** untuk dibawa pulang.

Perusahaan kilang juga merupakan kegiatan ekonomi yang penting di Pulau Pinang. Kawasan perusahaan Georgetown — Butterworth merupakan salah satu kawasan perusahaan yang terbesar di Malaysia. Di sini terdapat perusahaan membina dan membaiki kapal. Di kawasan Perai pula terdapat perusahaan besi keluli. Selain itu terdapat banyak kilang yang mengeluarkan barang-barang seperti bahan makanan dan bahan keperluan rumah. Kilang-kilang yang terdapat di Pulau Pinang ini menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.



Sebahagian daripada pelabuhan di Pulau Pinang

Pertanian tidak begitu penting di Pulau Pinang kerana negeri ini tidak mempunyai tanah yang luas dan subur untuk pertanian. Hanya di Seberang Perai terdapat kawasan penanaman padi. Kawasan ini sebenarnya merupakan sambungan daripada Dataran Kedah-Perlis, iaitu kawasan padi yang terbesar di Malaysia. Pokok pala pula banyak terdapat di sepanjang perjalanan dari Teluk Bahang ke Balik Pulau.



Sawah padi di Seberang Perai



Persembahan Boria

Kebudayaan


Oleh kerana masyarakat di negeri ini terdiri daripada berbagai kaum, kebudayaannya juga berbagai-bagai. Setiap kaum di negeri ini terus mengekalkan kebudayaan masing-masing walaupun Pulau Pinang semakin pesat membangun sebagai bandaraya yang moden.

Sebagaimana Kelantan terkenal dengan Dikir Barat dan Kedah dengan Mek Mulungnya, Pulau Pinang juga mempunyai hasil seni budaya yang tidak kurang terkenalnya. Hasil seni itu ialah Boria yang kini sudah terkenal di seluruh negara.

Boria dipercayai dibawa ke Pulau Pinang oleh askar-askar India yang berkhidmat dengan pihak Inggeris pada masa dahulu. Kemudiannya persembahan Boria itu diubahsuai sehingga menjadi satu hasil seni penduduk tempatan Pulau Pinang. Boria adalah satu bentuk nyanyian berkumpulan dengan dikepalai oleh seorang ketua. Para penyanyinya memakai pakaian yang berwarna-warni dan amat menarik. Selalunya persembahan Boria didahului oleh lawak jenaka. Lagu-lagu Boria selalunya mengandungi unsur-unsur nasihat.

Bangsawan yang terkenal di negara kita bermula di Pulau Pinang. Bangsawan adalah sejenis drama pentas yang sangat **popular** pada masa dahulu. Tetapi dengan munculnya radio, televisyen dan wayang gambar, bangsawan semakin kurang diminati. Persembahan ini telah diasaskan oleh seorang penduduk Pulau Pinang yang bergelar Mamak Pushi. Ghazal juga dikatakan bermula di Pulau Pinang, tetapi ia lebih popular di Johor.

Di Pulau Pinang juga terdapat ramai golongan Baba seperti di Melaka. Mereka ini terkenal dengan persembahan Dondang Sayangnya. Dondang Sayang selalu dipersembahkan ketika perayaan Cap Goh Meh. Baba dan Nyonya yang mempersembahkan Dondang Sayang akan memakai pakaian tradisi Melayu.



Pertunjukan Bangsawan


Pesta Pulau Pinang merupakan satu acara tahunan yang paling meriah di Pulau Pinang. Pesta ini diadakan tiap-tiap tahun dalam bulan Disember. Ketika **pesta** ini diadakan, banyak acara menarik dipersembahkan untuk menarik para pelancong. Antaranya termasuklah sukan laut, perarakan Cingge, tarian singa dan peraduan Ratu Pesta Pulau Pinang.

Perlumbaan bot naga merupakan acara sukan laut yang paling menarik dalam Pesta Pulau Pinang. Bot-bot dihias dan dibentuk seperti naga. Setiap bot boleh memuatkan seramai 10 hingga 15 orang pendayung. Mereka ini akan berdayung dengan sekuat tenaga bagi memperolehi tempat pertama.



Cingge pula merupakan sejenis permainan yang dilakukan oleh satu kumpulan yang mewakili kelab atau persatuan orang Cina. Permainan ini menunjukkan kepintaran seseorang menggunakan anggota tubuh badan. Mereka akan **mengimbang** sesuatu benda seperti tiang bendera yang dibawa di atas tapak tangan, atas bahu ataupun di atas kepala.


Acara kemuncak dan paling menarik dalam Pesta Pulau Pinang ialah pemilihan Ratu Pesta Pulau Pinang. Ramai gadis menyertai pertandingan ini. Mereka bertanding untuk memenangi hadiah-hadiah **lumayan** yang disediakan.




Beberapa acara dalam Pesta Pulau Pinang

Tarian singa adalah tarian tradisi yang popular di kalangan masyarakat Cina. Tarian ini selalu dipersembahkan ketika perayaan-perayaan tertentu. Tarian ini menggambarkan badan singa dengan menggunakan kain. Dua orang penari digunakan untuk menggayaikan tarian ini iaitu seorang di bahagian kepala dan seorang lagi di bahagian belakang. Kaki penari-penari ini dibentuk menyerupai kaki singa.

Tarian naga juga hampir sama seperti tarian singa. Menurut kepercayaan kaum Cina di negara kita, tarian naga diadakan untuk memohon **tuah**. Tarian ini diadakan pada hari-hari perayaan seperti Tahun Baru Cina atau Pesta Pulau Pinang. Patung naga untuk tarian ini dibuat daripada buluh dan dibalut dengan kain yang dilukis menyerupai sisik dari bahagian kepala hingga ke ekor. Jumlah penarinya bergantung kepada saiz patung naga tersebut. Tarian ini dikepalai oleh seorang yang membawa sebatang kayu di depan naga itu.



Satu lagi kebudayaan Cina yang terkenal di Pulau Pinang ialah Opera Cina. Opera Cina adalah drama pentas bagi kaum Cina yang selalunya dipentaskan ketika memuji dewa-dewa. Pentas Opera Cina selalunya didirikan menghadap ke arah **berhala** atau patung dewa. Pelakon-pelakon opera ini memakai pakaian yang berwarna-warni dan muka mereka disolek mengikut watak yang akan mereka bawa.




Pentas Opera Cina


Tempat-tempat Menarik

Pulau Mutiara Timur ini memang merupakan pusat pelancongan yang terkenal di Malaysia. Pantainya yang putih bersih dan bandaraya yang sentiasa sibuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang istimewa.

Pantai Batu Ferringhi dan Teluk Bahang adalah pantai peranginan yang terkenal di Pulau Pinang. Pantainya luas dan indah. Pohon-pohon kelapa dan ru menjadikan pantai ini redup dan sesuai dijadikan tempat berehat. Pantai ini dikunjungi oleh ramai pelancong terutamanya ketika musim cuti.



Pantai Batu Feringghi



Keretapi Bukit Bendera

Bukit Bendera juga merupakan pusat pelancongan yang tidak mungkin dilupakan oleh para pelancong yang mengunjungi Pulau Pinang. Bukit ini tingginya kira-kira 821 meter.

Pemandangan di sekitarnya amat menarik dan udaranya sejuk lagi nyaman. Para pelancong boleh naik ke puncak Bukit Bendera dengan menaiki keretapi. Dalam perjalanan ini dapat dilihat pemandangan yang sungguh indah di sekitar Pulau Pinang.

Taman Air Terjun yang lebih dikenali sebagai Taman Botanical terletak hanya 8 kilometer dari pusat bandaraya. Kawasan ini dikelilingi oleh bukit-bukit yang menghijau dan pohon-pohon bunga yang berwarna-warni. Bunyi deruan air terjun dan haiwan dapat menghibur para pelancong yang berkunjung ke sini.

Selain tempat-tempat peranginan tersebut Pulau Pinang juga terkenal dengan tempat-tempat ibadat yang indah dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kuil Ular yang terletak di Bayan Lepas terkenal dengan ular-ularnya. Di sini dapat dilihat berbagai-bagai jenis ular yang berlingkaran di merata pelusuk bangunan. Kuil ini dibina sebagai memperingati Chor Soo Kong iaitu seorang ketua besar penganut agama Buddha. Beliau dikatakan mempunyai kebolehan yang istimewa untuk mengubati sebarang penyakit.

Kuil 'Kek Lok Si' pula merupakan kuil penganut-penganut agama Buddha yang indah sekali di Asia Tenggara. Kuil ini mempunyai tujuh tingkat dan tingginya 30 meter. Kuil ini terbahagi kepada dua bahagian; bahagian bawahnya berbentuk **pagoda** Burma manakala bahagian atasnya berbentuk pagoda Siam.

Kuil 'Kuan In Tong' atau 'Kuan Yin Ting' yang terletak di Piff Street adalah kuil yang tertua sekali di Pulau Pinang. Usianya ialah kira-kira 155 tahun. Kuil ini kerap dikunjungi oleh penganut-penganut agama Buddha dan juga para pelawat.


Wat Chayamangkalaran ialah kuil Siam yang terletak di Burmah Lane. Di ruang tengahnya terdapat sebuah patung Buddha yang besar. Patung itu berada dalam keadaan berbaring dan panjangnya kira-kira 33 meter.




Tempat-tempat ibadat di Pulau Pinang

Kuil Sri Mariaman di Queen Street terkenal dengan ukiran-ukiran patungnya. Kuil yang dibina pada tahun 1953 ini penuh dihiasi dengan ukiran patung. Patung Mariaman (perempuan) dihias indah dengan emas, perak, berlian dan zamrud.

Masjid Negeri yang terletak di Jalan Ayer Itam pula merupakan salah sebuah masjid yang tercantik di Malaysia. Masjid ini dibina pada tahun 1980 dan boleh memuatkan 5000 **jemaah**. Di dalam masjid ini terdapat dewan kuliah, perpustakaan, bilik mesyuarat dan menara setinggi kira-kira 51.8 meter. Dari menara ini dapat dilihat keindahan pemandangan di sekitar Georgetown.



Masjid Negeri Pulau Pinang



Kota Cornwallis

Masjid Kapitan Kling di Pitt Street merupakan masjid yang agak tua usianya. Masjid ini telah didirikan oleh seorang Kapitan Kling yang kaya bernama Cauder Mohudden dalam tahun 1800.

Kota Cornwallis pula merupakan kota yang bersejarah. Kota ini dipercayai merupakan bekas tapak yang mula-mula sekali didiami oleh Francis Light di Pulau Pinang. Kota ini merupakan hasil binaan **banduan** dalam tahun 1808 hingga 1810.



Pemandangan di Georgetown

Bandar-bandar

Georgetown ialah ibu negeri Pulau Pinang. Bandar ini didirikan oleh Francis Light pada tahun 1786. Sekarang Georgetown merupakan sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang penting. Bandar ini menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari dalam dan luar negeri. Perkhidmatan feri menghubungkan Georgetown dengan Butterworth yang terletak di tanah besar Semenanjung.

Balik Pulau adalah bandar yang terbesar di daerah barat daya Pulau Pinang. Letaknya kira-kira 22.5 kilometer ke barat daya Georgetown. Sekitar bandar ini terdapat kawasan sawah padi dan ladang cengklik serta kebun buah-buahan.

Bayan Lepas terletak di tenggara Pulau Pinang. Di sinilah letaknya lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang. Bandar ini dikelilingi oleh Zon Perdagangan Bebas. Di kawasan ini banyak terdapat kilang-kilang elektronik.

Butterworth adalah bandar yang terbesar di Seberang Perai. Perkhidmatan feri menghubungkan bandar ini dengan Georgetown, iaitu ibu negeri Pulau Pinang.

- 9 AUG 1988

Perbendaharaan Kata

Muka Surat

- 4 beraneka ragam = berbagai bentuk
gedung = bangunan besar
pelabuhan = tempat kapal singgah
- 5 pelancong = orang yang pergi melawat ke sesuatu tempat
siswazah = orang yang lulus dari universiti
- 6 pangkalan = tempat persinggahan
- 8 murka = marah
- 12 diimport = membawa masuk barang-barang dari luar negeri
dieksport = dijual ke luar negeri
cenderamata = hadiah
- 16 popular = disukai ramai
- 18 pesta = perayaan
- 19 mengimbang = menjadikan sama timbang (tidak berat sebelah)
lumayan = agak banyak
- 20 tuah = untung
- 21 berhala = patung dewa-dewa
- 24 pagoda = bangunan seperti menara bertingkat-tingkat
- 26 jemaah = kumpulan orang beribadat
- 27 banduan = orang yang ditahan dalam penjara